

04 SEP 2000

Mahathir-Benci

PM DUKACITA ADA PIHAK GUNA KEMPEN MEMBENCI UNTUK RAIH SOKONGAN

Oleh: Mohd Kamel Othman

CHICAGO, 4 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau dukacita kerana sesetengah pihak terutamanya parti pembangkang sanggup menggunakan kempen benci kepada kerajaan semata-mata untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Perdana Menteri berkata kempen benci kepada kerajaan yang digunakan itu boleh merosakkan negara dan menimbulkan masalah pada masa depan sedangkan kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara.

"Janganlah kita rosakkan negara kita sehingga kita tidak mampu menangkis usaha-usaha orang lain yang hendak menguasai negara kita," katanya pada majlis temumesra dan dialog dengan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat di Radisson Hotel O'Hare, Rosemont, dekat sini, hari Ahad.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 350 pelajar Malaysia di Amerika Syarikat.

Dr Mahathir berkata Malaysia sedang membangun pesat dan ia merupakan warisan rakyat tetapi jika keadaan yang sedia ada dirosakkan, dikhuatiri rakyat akan menerima warisan yang tidak baik.

"Umpamanya kita kata kerajaan zalim, Mahafiraun... itu guna nama sayalah. Nama saya Mahathir dia gugurkan "thir" dan tambah "firaun". Apakah yang saya buat yang menjadikan saya firaun," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata tujuan perkataan sedemikian digunakan ialah untuk membuat rakyat membencinya.

"Kita tidak boleh benci kepada orang, mungkin ada sebabnya... kita harus periksa benar atau tidak (dakwaan-dakwaan yang dibuat)," kata beliau.

Perdana Menteri meminta pelajar di luar negara supaya memikirkan tentang masa depan negara dan rakyat.

"Kalau kita tidak selamatkan negara kita, siapa hendak selamatkan," katanya.

Beliau berkata kerajaan akan berusaha untuk membangunkan negara.

"Sebab itu saya minta fikirkan tentang masa depan negara kita dan masa depan kita semua. Negara kita akan diwarisi oleh kita rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum."

Dr Mahathir berkata dalam zaman yang serba maju ini banyak cabaran yang dihadapi, oleh itu rakyat termasuk pelajar di seberang laut harus menghargai kemerdekaan negara.

"Di Malaysia, kita tidak tanya sesiapa (untuk membangunkan negara), Kita hendak buat apa, itu hak kita kerana kita negara merdeka. Hargailah kemerdekaan negara supaya kita akan mewarisi sebuah negara yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain yang maruahnya terpelihara dan dihormati," kata Perdana Menteri.

Katanya, Malaysia bukannya sebuah negara yang mudah untuk dibangunkan kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, bahasa dan agama tetapi kerajaan berjaya melakukannya semua.

Menurutnya, bukannya mudah bagi sebuah kerajaan untuk memerintah sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum kerana ia telah terbukti bahawa di sesetengah negara berlaku peperangan dan pembunuhan disebabkan rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah diberi sambutan paluan kompang dan bunga manggar setibanya di hotel berkenaan. Para pelajar juga telah menyanyikan lagu Jalur Gemilang dan Negaraku sebelum majlis dimulakan.

Bagaimanapun, terdapat sekumpulan terdiri daripada 13 orang yang memegang bendera parti pembangkang Malaysia dan sepanduk kecil di seberang jalan raya di depan hotel berkenaan.

Mereka memegang bendera PAS, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Kumpulan itu yang dipercayai terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO) berpusat di Washington bersurai sebaik sahaja Perdana Menteri masuk ke dalam bangunan hotel.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad, Duta Malaysia di Amerika Syarikat Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid dan Pengerusi Mara Datuk Wira Abu Seman Yusop.

-- BERNAMA

MKO NMO